

BENCANA ALAM: ISU DAN HUKUM
(NATURAL DISASTER: ISSUES AND RULES)

Basri bin Ibrahim

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

Email: bashim67@kuiips.edu.my

ABSTRACT

Natural disasters are a frequent occurrence in human life in this world. It sometimes takes the form of fires, major floods, hurricanes, volcanic eruptions and others. People in this area can be a victim and killed, while others are in trouble and hardship when it occurs. These difficulties and narrowness also affect the way of worship and social affairs that occur among Muslims. Worship performed in a normal situation becomes worship performed at a critical time. This article aims to explain some of the issues of selected natural disasters and the laws associated with them. The methodology used is qualitative-based. The data was obtained based on document analysis through analysis of books related to current fiqh and websites that can be held accountable such as the website of the state mufti department, JAKIM and others. The data obtained are reviewed based on inductive, descriptive and comparative approaches. The result is that, among others, performing prayers by wearing wet clothes with sweat and flood water is valid and giving zakat assistance to victims of natural disasters is a must if there is no other source. In addition, building houses of worship of non-Muslims that were destroyed and cleaning them up due to disasters is not necessary. The implications of this study are to increase the understanding of Muslims on the abovementioned issues and ensure that their worship continues to run smoothly. In addition, they can tolerate some aspects of the relationship with non-Muslims and cannot accept some elements.

Keywords: Natural disasters, worship, methodology, descriptive, comparative

PENDAHULUAN

Bencana alam merupakan satu kejadian yang menyebabkan manusia berada pada dalam keadaan kesusahan dan kesempitan. Pergerakan hidup harian yang berlaku secara normal bertukar menjadi tidak normal pada masa berlaku bencana alam tersebut. Proses pencarian rezeki secara normal tidak dapat dilakukan kerana banyak rumah, kawasan hutan dan sebagainya musnah. Pemberian bantuan daripada pihak

berkuasa dan juga agensi-agensi swasta juga dilakukan serta merta daripada pelbagai pihak. Mangsa bencana alam ada yang meninggal, mengalami kecederaan parah, cedera ringan dan juga tidak mengalami apa-apa kecederaan. Bagi yang mengalami kecederaan parah atau kemusnahan tempat tinggal ia juga turut mempengaruhi cara melakukan ibadah seperti solat. Solat yang kebiasaannya perlu dilaksanakan secara berdiri, sudah tidak dapat dilakukan secara biasa seperti itu sebaliknya perlu dilakukan dengan cara duduk atau berbaring mengikut situasi darurat yang dialami oleh orang yang terlibat. Ia juga turut melibatkan berbagai-bagai isu fiqah yang perlu kepada pencerahan kepada masyarakat.

Tujuan penulisan ini dilakukan ialah untuk menjelaskan kedudukan isu-isu bencana alam terpilih yang berkaitan dengan kehidupan orang-orang Islam. Isu-isu tersebut membabitkan bersuci, solat, zakat dan kemasyarakatan. Ini supaya masyarakat dapat mengetahui kedudukan sebenar isu-isu tersebut menurut pandangan Islam. Isu-isu ini melibatkan pandangan ulama muktabar daripada pelbagai mazhab yang terdapat masyarakat Islam, hujah-hujah yang menjadi pegangan mereka dan pendapat yang menjadi pilihan dan pegangan penulis dalam isu-isu fiqah tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penulisan yang digunakan dalam menyiapkan artikel ini adalah berdasarkan kualitatif. Data-data diperoleh berdasarkan analisis dokumen menerusi analisis ke atas buku-buku berkaitan fiqah semasa dan laman-laman web yang boleh dipertanggungjawabkan seperti laman web jabatan mufti negeri, JAKIM dan lain-lain. Data-data yang diperoleh diulas berdasarkan pendekatan induktif, deskriptif dan juga komparatif.

SOROTAN KAJIAN

Penulisan tentang bencana alam yang melibatkan isu dan hukum yang lengkap belum ditemui oleh penulis setakat ini, meskipun tulisan tentang bencana alam dan isu-isu fiqah yang lain sudah ada di pasaran. Antara buku yang ditemui oleh penulis ialah *al-Ahkam wa al-Masa'il al-Fiqhiyyah al-Muta'alliqah bi al-Kawarith* oleh Atif Fadl al-Mawla Muhammad al-Syeikh (2016), *Isu-isu fiqah Semasa Dalam Masyarakat*

Kontemporari (2021) dan *Rukhsah Solat Satu Jalan Keluar* oleh Haji Mohd Syukri (2020). Dalam majalah pula ialah *Konseling Traumatik: Sebuah Strategi Guna Mereduksi Dampak Psikologis Korban Bencana Alam* oleh Hayatul Khairul Rahmat dan Desi Alawiyah (2020), *Bencana-Bencana Alam Pada Umat Terdahulu Dan Faktor Penyebabnya Dalam Perspektif Alquran: Studi Tafsir Maudhu'i Ayat-Ayat tentang Bencana Alam* oleh Ali Maulida. (2019), *Alam Semesta dan Bencana Alam dari Perspektif Agama dan Sains* oleh Mahayudin Haji Yahya (2012) dan lain-lain.

Walau bagaimanapun kesemua buku-buku dan jurnal di atas tidak menyentuh perbincangan yang dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji ingin melihat dari segi hukum syarak dan sahaja dan tidak melibatkan kajian medan. Ia lebih berbentuk kajian dokumentasi sahaja.

PERBINCANGAN

Bencana alam melibatkan berbagai-bagai isu yang timbul dalam masyarakat dan menjadi tanda tanya kepada mereka dari segi hukum. Dalam artikel ini sebahagian daripada isu tersebut akan disentuh dan dikupas dari segi hukum syarak bertujuan memberikan penjelasan yang jelas kepada masyarakat yang bencana alam tidak memberi ruang mudah kepada mereka untuk meninggalkan ibadah dan kerja-kerja membantu orang-orang yang berada dalam kesempitan dan memerlukan pertolongan. Ia juga akan mendedahkan kepada mereka tentang tindakan yang boleh dilakukan dan yang tidak boleh dilakukan sewaktu berhadapan dengan bencana alam.

DEFINISI BENCANA ALAM

Bencana alam melibatkan berbagai-bagai definisi. Misalnya dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (2004) menjelaskan yang dikatakan bencana alam ialah bencana kerana air bah, gempa bumi, angin ribut dan lain-lain.

Dalam *al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah* (t.t.) pula bencana alam dikenali dengan istilah *al-kawarith*. *al-Kawarith* membawa maksud peristiwa yang berlaku secara mendadak, tiba-tiba dan menimbulkan kesan yang mendukacitakan dalam kehidupan kebanyakan orang ramai. Menurut G. Bankoff, G. Frerks dan D.

Hilhorst (2003), bencana alam adalah kesan buruk daripada kejadian atau gabungan aktiviti semula jadi, seperti letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, taufan) dan aktiviti manusia. Disebabkan kekerdilan sifat manusia, bencana alam sering menyebabkan keadaan darurat, sehingga menyebabkan kerugian kewangan dan struktur, malah sampai kematian. Kerugian ini bergantung kepada kemampuan untuk mengelak atau menghindari bencana dan ketahanan mereka.

Definisi yang terpilih berkaitan bencana alam ialah kejadian atau peristiwa yang berlaku secara mendadak atau tiba-tiba yang menyebabkan kemudaratan kepada nyawa dan kemusnahan harta milik umum atau khusus secara keseluruhan. Ia merangkumi apa-apa bentuk musibah, ujian, bala, perkara yang tidak disukai, kemarau panjang, banjir, gempa bumi, angin ribut dan lain-lain. Bencana alam boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- a. Bencana alam yang datang daripada langit yang mana manusia tidak campur tangan di dalam mencetuskan bencana tersebut seperti gempa bumi, letusan gunung berapi, tiupan angin ribut yang kencang, banjir dan lumpur.
- b. Bencana alam yang berpunca daripada angkara manusia, di mana peranan yang dimainkan manusialah menyebabkan berlakunya bencana alam meskipun mempunyai kaitan dengan kehendak Allah SWT juga seperti peperangan, kebakaran, pencemaran lautan, pencemaran alam sekitar dan bencana yang ditimbulkan daripada penggunaan bom nuklear. Ini dapat dilihat dalam *al-Ahkam Wa al-masa'il al-Fiqhiyyah al-Muta'alliqqah Bi al-Kawarith* oleh Muhammad al-Syeikh (2016).

ISU-ISU BENCANA ALAM

Bencana alam melibatkan banyak isu yang berkaitan dengan kehidupan orang-orang Islam. Antaranya ialah:

a) Menunaikan Solat Dengan Memakai Baju Basah Dengan Peluh Dan Air Banjir

Kadang-kadang mangsa bencana alam tidak mempunyai baju yang lain selain daripada yang dipakainya sahaja. Baju itu pula dipenuhi dengan peluh dan terkena air banjir. Kepastian baju tersebut terkena najis adalah belum pasti.

Menurut al-Mawardi (2009), antara syarat sah solat adalah pakaian yang digunakan dalam solat hendaklah suci daripada najis. Jika terdapat najis pada pakaian, tidak sah solat tersebut. Namun begitu, menurut al-Hadrami (2015) penentuan wujud najis atau tidak hendaklah berdasarkan keyakinan yang pasti iaitu dari segi rasa, warna dan bau.

Bagi solat dalam keadaan baju basah dengan peluh dan air banjir tidak termasuk dalam perkara yang menghalang solat menjadi sah kerana peluh dan air banjir bukan najis kecuali yang melibatkan air banjir yang kurang daripada dua kolah yang diyakini terkena najis. Peluh manusia dan haiwan tunggangan menurut al-Syafi'i (2001) tidak dikira najis dan tidak menajiskan sesuatu yang terkena dengannya. Manakala air banjir pula dikira pada kebiasaannya suci lagi menyucikan kerana melibatkan air yang banyak. Oleh itu, bagi mangsa bencana alam yang berhadapan dengan banjir dan hujan lebat sehingga menyebabkan bajunya dibasahi dengan peluh atau air banjir dan terpaksa pula mengharungi banjir, diharuskan menunaikan solat dengan baju tersebut kerana dianggap suci dan tidak najis.

b) Menunaikan Solat Jamak Ketika Hujan Lebat

Bencana alam melibatkan hujan lebat, banjir besar gempa bumi dan lain-lain. Dalam situasi hujan lebat yang menyukarkan pergerakan boleh ditunaikan solat jamak asalkan tidak dijadikan kebiasaan. Solat jamak pada asalnya tidak harus ketika bermukim kecuali apabila wujud keuzuran seperti takut, hujan atau pun keperluan. Hal ini berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِالْمَدِينَةِ سَبْعًا وَثَمَانِيًا: الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ
وَالْعِشَاءَ فَقَالَ أَيُّوبُ: لَعَلَّهُ فِي لَيْلَةٍ مَطِيرَةٍ قَالَ: عَسَى .

Maksudnya: Nabi SAW menunaikan solat di Madinah tujuh rakaat dan lapan rakaat (secara jamak) di antara Zuhur dan Asar dan di antara Maghrib dan Isyak. Ayyub al-Sakhtiani berkata: Kemungkinan berlaku hujan yang lebat pada malamnya (Al-Bukhari, no. Hadis: 543; Muslim, no. Hadis: 705).

Namun begitu, pelaksanaan solat jamak kerana hujan memiliki syarat-syarat tertentu. Menurut al-Rawyani (2009), syarat melaksanakan solat jamak ketika hujan adalah seperti berikut:

1. Jamak yang dilakukan adalah jamak *taqdim*, iaitu solat pada waktu yang pertama.
2. Hujan mestilah berterusan turun daripada takbiratulihram solat yang pertama dan kedua serta terdapat hujan ketika salam bagi solat yang kedua.
3. Solat jamak diharuskan jika dilakukan di masjid secara berjemaah, dan imam mestilah meniatkan jamak *taqdim*.

c) Meninggalkan Solat Jumaat

Ulama bersepakat solat Jumaat wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang telah akil baligh, lelaki dan juga bermukim. Ia sama sekali tidak boleh ditinggalkan kecuali kerana sesuatu keuzuran. Antara keuzuran yang mengharuskan ditinggalkan solat Jumaat ialah sakit, musafir dan takut yang amat sangat (Ibn Abidin, 2003; Al-Qarafi, 1994; Al-Nawawi, 1994; Ibn Muflih, 2003).

Orang-orang yang sibuk dengan urusan menyelamatkan mangsa-mangsa bencana alam boleh diqiyaskan dengan orang-orang yang menjaga orang-orang sakit. Para ulama bersepakat tentang gugurnya kewajipan menunaikan solat Jumaat ke atas orang yang menjaga orang sakit (Ibn Abidin, 1966; al-Dusuqi, t.t; Al-Nawawi, 1994; Al-Buhuti, 1997).

Cuma dalam memperincikan keharusan tersebut para ulama berbeza pendapat. Ulama mazhab Hanafi sebagaimana yang terdapat dalam *Rad al-Muhtar* oleh Ibn Abidin (2003) menjelaskan berdasarkan pendapat yang paling sahih si sisi mereka harus kepada orang yang menjaga dan merawat orang sakit meninggalkan solat Jumaat jika ditunaikan solat Jumaat akan menyebabkan pesakit terlibat terbiar begitu sahaja tanpa ada orang yang menjaganya.

Bagi al-Syafi'i (2001), jika seseorang tenggelam, terbakar atau hartanya dicuri dan beliau berharap dengan meninggalkan solat Jumaat akan dapat membendung perkara tersebut atau dapat memperoleh semula sesuatu yang hilang, ketika itu tidak menjadi kesalahan meninggalkan solat Jumaat. Begitu juga jika dia kehilangan anak, harta seperti hamba, binatang atau lain-lain dan dengan meninggalkan solat Jumaat dia mengharapkan akan dapat memperoleh semula barangan atau benda-benda yang hilang tersebut, dia juga diharuskan meninggalkan solat Jumaat ketika itu.

Antara dalil yang dijadikan hujah ialah hadis riwayat Nafi' yang menjelaskan Ibn Umar RA menceritakan kepada beliau:

أَنَّ سَعِيدَ بْنَ زَيْدٍ بْنَ عَمْرٍو بْنَ نُفَيْلٍ وَكَانَ بَدْرِيًّا مَرِيضًا فِي يَوْمِ جُمُعَةٍ فَرَكِبَ إِلَيْهِ
بَعْدَ أَنْ تَعَالَى النَّهَارُ وَافْتَرَبَتِ الْجُمُعَةُ وَتَرَكَ الْجُمُعَةَ

Maksudnya: *Said bin Zaid bin Amru bin Nufail RA, seorang ahli badar sakit pada hari Jumaat. Ibn Umar telah menaiki kenderaan untuk menziarahi beliau setelah matahari tinggi dan menghampiri solat Jumaat. Beliau meninggalkan solat Jumaat pada hari itu kerana ziarah tersebut* (Al-Bukhari, no. Hadis: 3990).

Hujah kedua selain daripada hadis di atas ialah hujah akal iaitu tindakan meninggalkan solat Jumaat dapat menyelamatkan nyawa seseorang dan hukum melakukannya adalah fardu kifayah. Ia juga termasuk ke dalam maqasid yang lima yang dijaga oleh Islam.

d) Menunaikan Solat Dalam Rumah Ibadah Agama Lain

Dalam situasi bencana alam kadang-kadang rumah ibadah kepunyaan orang Islam runtuh dan tidak ada tempat langsung untuk menunaikan ibadah selain rumah ibadah bukan Islam sahaja. Misalnya gereja. Gereja ialah rumah ibadah orang Kristian. Manakala biara pula ialah tempat pertapa tinggal sebagai satu komuniti atas ikrar keagamaan (DBP, 2004).

Para ulama berbeza pendapat tentang hukum keharusan orang Islam menunaikan solat dalam rumah ibadah orang bukan Islam. Pendapat pertama adalah pendapat jumhur ulama dan juga Ibn Abbas RA. Pendapat ini menghukumkan makruh melakukan solat di tempat-tempat ibadah orang kafir, sama ada ia digunakan ataupun terbiar, kecuali jika darurat, ketika itu hukumnya tidak makruh. Misalnya untuk mengelakkan daripada panas, sejuk ataupun hujan. Begitu juga kerana takutkan musuh, binatang buas dan sebagainya (Al-Zuhaili, 1989). Hikmat ia dilarang ialah kerana tempat tersebut adalah tempat bersarang segala syaitan disebabkan tempat-tempat tersebut biasanya tidak terlepas daripada gambar-gambar dan ukiran patung. Di samping itu, ia juga merupakan tempat yang menimbulkan godaan dan menghalang daripada rasa khusyuk semasa solat.

Pendapat kedua adalah pendapat ulama mazhab Hanbali. Bagi golongan ini tidak menjadi kesalahan untuk mengerjakan solat di dalam gereja yang bersih. Tindakan ini dibolehkan mengikut pendapat al-Hasan al-Basri, Umar bin Abdul Aziz, al-Sya'bi, Abd al-Rahman al-Awza'i dan juga Sa'ad bin Abdul Aziz. Pendapat ini juga diriwayatkan daripada Umar RA dan Abu Musa al-Asy'ari RA. Mereka mengerjakan solat di dalam Kaabah yang terdapat di dalamnya gambar-gambar. Di samping itu, menurut mereka, keharusan ini adalah diliputi oleh sabda Nabi Muhammad SAW dalam hadis riwayat Abu Dhar RA:

فَأَيْنَمَا أَذْرَكْتُمْ الصَّلَاةُ فَصَلِّ فَهُوَ مَسْجِدٌ

Maksudnya: *Di mana saja kamu menemui sembahyang, maka sembahyanglah kerana bumi dijadikan sebagai tempat sujud* (Muslim, no. Hadis: 520)

Al-Nawawi pula menyatakan dalam *al-Majmu'* makruh mengerjakan solat di tempat yang menjadi sarang syaitan seperti tempat arak, tempat penipuan atau kezaliman dan segala tempat maksiat seperti itu. Berdasarkan kupasan di atas makruh solat di gereja adalah lebih kuat berdasarkan pendapat jumhur dan juga mazhab al-Syafi'i. Dalam konteks di Malaysia, tidak sewajarnya seseorang menunaikan solat di gereja kerana di negara ini masih banyak masjid, surau dan kemudahan tempat solat yang telah dikhususkan untuk umat Islam.

e) Memberikan Bantuan Zakat Kepada Mangsa Bencana Alam

Ulama berijmak orang-orang yang berhutang atau *al-gharimin* termasuk ke dalam asnaf yang wajib diberikan zakat (Ibn al-Mundhir, 2001). Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (al-Tawbah 9:60)

Ulama mazhab Maliki, al-Syafi'i dan Hanbali membahagikan orang-orang yang berhutang kepada dua bahagian iaitu pertama yang berhutang untuk kepentsendiri dan kedua untuk kepentingan orang lain (Al-Abdari, t.t.; al-Nawawi, 1994; Ibn Qudamah, 1997). Sebahagian ulama mengaitkan orang yang ditimpa bencana alam dengan orang-orang yang berhutang untuk kepentingan diri sendiri (Al-Qaradawi, 1973). Bagi al-Qaradawi, golongan yang menjadi mangsa bencana alam kadang-kadang boleh dimasukkan ke dalam golongan fakir dan miskin jika mereka kehilangan segala harta yang mereka miliki.

Antara hujah yang menunjukkan golongan mangsa bencana alam boleh juga dimasukkan ke dalam golongan yang berhutang ialah hadis riwayat Qabisah bin Makhariq al-Hilali RA, yang menyatakan:

تَحَمَّلْتُ حِمَالَةَ فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْأَلُهُ فِيهَا فَقَالَ: أَقِمَّ حَتَّى تَأْتِيَنَا الصَّدَقَةُ فَنَأْمُرَ لَكَ بِهَا قَالَ: ثُمَّ قَالَ: يَا قَبِيصَةُ إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحِلُّ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةِ رَجُلٍ تَحْمِلُ حِمَالَةَ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَهَا ثُمَّ يُمْسِكُ وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاَحَتْ مَالَهُ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَامًا مِنْ عَيْشٍ - أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ - وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ حَتَّى يَقُومَ ثَلَاثَةَ مِنْ ذَوِي الْحِجَا مِنْ قَوْمِهِ: لَقَدْ أَصَابَتْ فُلَانًا فَاقَةٌ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَامًا مِنْ عَيْشٍ - أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ - فَمَا سِوَاهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ يَا قَبِيصَةُ سُحْتًا يَأْكُلُهَا صَاحِبُهَا سُحْتًا

Maksudnya: Aku menanggung satu bebanan hutang. Aku menemui Rasulullah SAW. Baginda bersabda: Tinggallah di sini dulu sehingga kami dibawakan harta sedekah dan kami akan menyuruh supaya diberikan harta tersebut kepada anda. Kemudian rasulullah SAW bersabda: Wahai Qabisah meminta sedekah itu tidak halal dilakukan kecuali salah satu daripada tiga perkara iaitu seorang lelaki yang menanggung satu bebanan hutang, ketika itu dihalalkan kepadanya meminta sedekah sehingga dia memperolehnya kemudian memegangnya. Seorang lelaki yang ditimpa bencana yang menyebabkan hartanya musnah, ketika itu halal kepadanya meminta sedekah sehingga dia dapat menegakkan semula kehidupannya atau baginda bersabda: Dia dapat memenuhi keperluannya. Seorang lelaki yang ditimpa kemiskinan sehingga tiga orang yang layak daripada masyarakatnya menyatakan dia telah ditimpa kemiskinan, ketika itu halal kepadanya meminta sedekah sehingga dapat menegakkan kehidupannya atau dapat memenuhi keperluan hidupnya. Yang lain daripada itu termasuk memakan harta haram, yang dimakan oleh orang yang memperolehnya secara haram (Muslim, no. Hadis: 1044)

Mangsa-mangsa bencana alam kadang-kadang mengalami musibah yang bukan sahaja melibatkan harta bahkan boleh mengancam nyawanya. Ketika itu halal kepadanya meminta sedekah kerana ia dikaitkan dengan orang yang ditimpa bencana yang disebutkan dalam hadis di atas. Dengan itu zakat halal diberikan kepadanya. Walau bagaimanapun jika terdapat sumber lain seperti daripada Baitul Mal dan

seumpamanya, hendaklah diutamakan bantuan dengan menggunakan dana daripada institusi tersebut terlebih dahulu.

f) Memindahkan Zakat Ke Negeri Lain Yang Ditimpa Bencana Alam

Pada asalnya zakat diagihkan kepada kelompok masyarakat di mana zakat itu diambil, selaras dengan hadis riwayat hadis Mu'adh, Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فَتُرَدُّ فِي فُقَرَائِهِمْ

Maksudnya: *Ambillah zakat daripada orang-orang kaya mereka dan agihkanlah kepada orang-orang fakir mereka* (Muslim, no. Hadis: 25)

Sebaliknya memindahkan harta zakat daripada sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain, menimbulkan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama kepada beberapa pendapat. Golongan pertama berpendapat memindahkan zakat dari sebuah negeri ke sebuah negeri lain adalah harus berdasarkan salah satu daripada pendapat ulama mazhab al-Syafi'i. Ulama mazhab Hanafi mengharuskannya tetapi hukumnya di sisi mereka adalah makruh. Mereka mengecualikan beberapa keadaan yang mengharuskan pemindahan harta yang mana hukumnya tidak lagi makruh. Misalnya memindahkan harta tersebut daripada negeri kafir harbi ke negeri Islam atau memindahkannya kepada para penuntut ilmu atau kaum kerabatnya yang kebuluran. Ulama mazhab Hanbali mengharuskan pemindahan harta zakat ke perbatasan dan seumpamanya jika terdapat keperluan untuk berbuat demikian. Ada juga ulama yang berpendapat harta tersebut boleh dipindahkan ke negeri lain kerana kemaslahatan yang kuat. Ia merupakan pendapat pilihan al-Syeikh Taqi al-Din Ibn Taimiyyah (Al-Nawawi, 1994; Al-Maidani, t.t.; 'Abd al-Ghani, t.th.; al-Mardawi, 1993).

Antara hadis yang menjadi hujah golongan ini ialah hadis riwayat Abu Hurairah RA secara marfu' kepada Nabi Muhammad SAW seperti berikut:

يَا أُمَّةَ مُحَمَّدٍ وَالَّذِي بَعَثَنِي بِالْحَقِّ لَا يَقْبَلُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَدَقَةً مِنْ رَجُلٍ وَلَهُ
قَرَابَةٌ مُتَتَابِعُونَ إِلَى صَدَقَتِهِ وَيَصْرِفُهَا إِلَى غَيْرِهِمْ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يَنْظُرُ اللَّهُ
إِلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: Wahai umat Muhammad, demi tuhan yang mengutuskan aku membawa kebenaran, Allah tidak menerima sedekah daripada seseorang lelaki yang mempunyai kaum kerabat yang berhajat kepada perhubungan dengannya tetapi dia pula mengagihkan sedekah itu kepada orang-orang lain. Demi diriku berada di dalam genggamannya, Allah tidak melihat kepadanya pada hari kiamat (Al-Tabarani dalam al-Awsat, no. Hadis: 8828)

Dalam hadis di atas Rasulullah SAW menafikan penerimaan sedekah yang dilakukan seseorang kepada seseorang oleh Allah SWT selagi mana dia masih mempunyai kaum kerabat terdekat yang masih memerlukan sedekah tersebut. Al-Mundhiri (1996) menjelaskan bahawa hadis riwayat al-Tabarani melibatkan perawi yang dipercayai. Perawinya yang bernama Abdullah bin Amir al-Aslami menurut Abu Hatim bukanlah perawi yang ditinggalkan.

g) Memberikan Bantuan Zakat Kepada Orang Bukan Islam Yang Kesusahan

Dalam Islam golongan yang berhak mendapat zakat telah diperuntukkan dalam firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (Al-Tawbah 9:60)

Walau bagaimanapun di pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana alam bukan sahaja terdiri daripada orang Islam bahkan juga orang-orang bukan Islam. Apabila bantuan zakat dihantar kepada orang Islam di pusat tersebut, ia turut disaksikan oleh orang bukan Islam. Sehubungan dengan itu adakah harus memberikan zakat kepada orang bukan Islam di situ atas nama golongan mualaf?.

Jabatan Mufti Negeri Perlis (2021) pernah mengeluarkan fatwa dalam hal ini. Keharusan zakat diberikan kepada orang bukan Islam menimbulkan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Al-Syafi'i berpendapat tidak boleh dikeluarkan zakat kepada mereka. Pendapat yang sama dikeluarkan oleh ulama lain. (*Al-Um*, 2001) katanya: "*Golongan mualaf (mereka yang dijinakkan jantung hati) ialah sesiapa yang masuk ke dalam Islam. Zakat tidak diberikan kepada golongan musyrik untuk menjinakkannya dengan Islam. Jika ada yang berkata: Ketika peperangan Hunain Nabi SAW telah memberikannya kepada sebahagian mualaf dalam kalangan musyrikin. Jawapannya itu adalah pemberian daripada harta fai' (harta rampasan), atau dari harta Nabi SAW sendiri. Bukan harta zakat*".

Pendapat al-Syafi'i tersebut telah menjadi pegangan dalam mazhab al-Syafi'i. Sehubungan dengan itu tidak hairanlah kalau tokoh-tokoh ulama dalam mazhab al-Syafi'i menegaskan hal yang sama. Ini seperti al-Syirazi dalam *al-Muhazzab*, al-Nawawi dalam *al-Majmu'* dan lain-lain. Berdasarkan asas 'kekufuran' itu menghalang bukan Islam daripada menerima peruntukan zakat. Dengan itu dalam mazhab al-Syafi'i orang bukan Islam tidak boleh menerima bantuan zakat sama ada atas tiket kefakiran mahupun mualaf.

Namun begitu sebahagian ulama menyatakan mereka boleh menerima zakat atas peruntukan mualaf iaitu yang dijinakkan jantung hati mereka kepada Islam. Ini seperti yang dinaskan oleh al-Quran dalam surah al-Tawbah ayat 60 di atas. Peruntukan ini merangkumi mereka yang masih kafir dan yang telah menjadi orang Islam. Ibn Qudamah (1997) menyatakan bahawa mualaf terdiri daripada dua bahagian iaitu golongan Islam dan golongan yang bukan Islam yang mana mereka merupakan pemimpin yang ditaati oleh kaum dan keluarga mereka. Bahagian bukan Islam ini

pula terdiri daripada dua kelompok iaitu pertama; orang yang diharapkan menganut Islam. Untuk orang ini zakat diberikan agar hasrat keislamannya bertambah dan jiwanya cenderung kepada Islam, lalu menjadi orang Islam. Kelompok kedua; orang yang dibimbangkan kejahatannya. Diharapkan dengan pemberian zakat akan menghalang kejahatannya dan mereka yang bersamanya.

Inilah pendapat yang dinilai lebih kuat oleh al-Qaradawi, ‘Abd al-Karim Zaidan al-Asyqar dan lain-lain. Berdasarkan pendapat ini boleh diberikan zakat bahagian mualaf kepada bukan Islam yang berpengaruh dalam kaum atau masyarakat mereka yang diharapkan pemberian itu menggalakkan dia atau pengikutnya menerima Islam, atau mengurangkan sikap permusuhan terhadap Islam. Pendapat ini disokong oleh pelbagai riwayat yang menjelaskan Nabi SAW memberikan zakat kepada pemimpin-pemimpin Arab yang masih kafir seperti Safwan bin Umayyah. Safwan pernah berkata:

وَاللّٰهُ لَقَدْ اَعْطَانِيْ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا اَعْطَانِيْ وَاِنَّهُ لَأَبْغَضُ النَّاسِ
إِلَيَّ فَمَا بَرَحَ يُعْطِينِيْ حَتَّى إِنَّهُ لَأَحَبُّ النَّاسِ إِلَيَّ

Maksudnya: Demi Allah! Rasulullah SAW memberikan kepadaku begitu banyak. Dahulunya, dia adalah orang yang paling aku benci. Dia terus memberi kepadaku sehingga dia menjadi orang yang paling aku sayangi (Muslim, no. Hadis:59)

h) Berbuka Puasa Kerana Menyelamatkan Orang Yang Lemas

Mangsa bencana alam tidak sunyi sama ada berbentuk orang yang lemas, terbakar atau mati. Para ulama berbeza pendapat tentang keharusan berbuka puasa bagi menyelamatkan mangsa lemas dan seumpamanya kepada dua pendapat.

Golongan pertama berpendapat berbuka puasa adalah harus bagi menyelamatkan orang yang lemas dan seumpamanya, jika perlu berbuat demikian. Ia merupakan pendapat ulama mazhab al-Syafi‘i, satu pendapat ulama mazhab Hanafi dan pendapat ulama Maliki (Al-Hattab, 2003; al-Syarbini, 1997; al-Mardawi, 1993) dan Ibn Muflih (2003).

Ibn al-Humam (2003) menjelaskan dalam kitab *al-I'tikaf*:

“Oleh kerana itu apabila seseorang keluar bagi menyelamatkan mangsa lemas, terbakar atau jihad yang wajib, iktikafnya dikira rosak dan dia tidak berdosa”.

Pendapat yang dicenderungi oleh penulis adalah pendapat golongan yang pertama kerana dalil-dalilnya yang kuat antaranya firman Allah SWT:

مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَءِيلَ أَنَّهُ مَن قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Maksudnya: Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya (al-Ma'idah, 32)

Ayat di atas menjelaskan orang yang menjadi punca kepada kehidupan seseorang dengan cara menyelamatkannya daripada kematian atau punca-punca yang boleh menyebabkan kematian kepadanya seperti menyelamatkan mangsa yang lemas, terbakar dan seumpamanya. Hal ini dapat dilihat dalam *al-Bahr al-Madid* oleh Ibn Ajibah (1999.2:237).

Dari segi logik akal pula menurut al-Hattab (2003), mangsa bencana alam dikaitkan dengan wanita yang menyusukan anak dan wanita hamil. Kedua-dua jenis wanita ini diharuskan berbuka puasa bagi mengelakkan daripada kematian dan kesusahan kerana berpuasa. Ini bermakna orang yang menjadi mangsa bencana alam yang berada dalam kesempitan, berhak juga diberikan keharusan untuk berbuka jika keadaan memerlukan mereka berbuat demikian.

i) Membina Rumah Ibadah Orang Bukan Islam

Dalam situasi darurat dan bencana alam banyak harta yang musnah termasuk rumah ibadah baik kepunyaan orang yang beragama Islam mahupun yang bukan beragama Islam. Persoalan timbul bolehkah orang Islam membina rumah ibadah orang bukan Islam, meskipun jarang didengar penglibatan orang Islam dalam membina rumah ibadah orang bukan Islam itu?

Sebenarnya untuk melihat kupasan para ulama Islam berpada bagi penulis dengan melihat keputusan yang dikeluarkan dalam al-Kafi 1033 oleh pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019). Para ulama terbahagi kepada dua pandangan. Pendapat pertama dipegang oleh sebahagian ulama mazhab Hanafi. Mereka mengharuskan orang-orang Islam terlibat dalam membina dan bekerja di gereja.

Ibn Abidin (1966), menyebut tentang keharusan seorang Islam bekerja di gereja dan terlibat dalam proses pembinaan, kerana pekerjaan itu sendiri bukan satu maksiat. Ibn Nujaim (2002) pula menyebut keharusan orang Islam menerima upah membina gereja dan upah itu halal baginya. Pendapat kedua dipegang oleh majoriti ulama mazhab Maliki dan al-Syafi'i. Mereka berpendapat haram ke atas orang Islam terlibat dalam pembinaan gereja. Muhammad Hattab (2003) menyatakan seorang Islam tidak boleh terlibat dalam pembinaan gereja, penternakan babi atau kilang arak dan orang Islam yang terlibat dengan kerja tersebut sebagai perlu dikenakan hukuman tertentu yang setimpal.

Diriwayatkan daripada Malik (t.t) bahawa haram bekerja dalam pembinaan gereja, kerana ia termasuk dalam perkara yang diharamkan Allah SWT. Pengharaman ini juga bagi Malik termasuk menyewakan dan menjual rumah atau bangunan untuk dijadikan gereja. Menurut beliau, ulama yang mengharamkan keterlibatan Muslim dalam pembinaan gereja berdalilkan ayat al-Quran seperti berikut:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan (Al-Ma'idah: 2)*

Menurut mereka, penglibatan orang Islam dalam pembinaan gereja bererti membantu perbuatan kufur dan mengagungkan syiar-syiar batil mereka. Ia juga satu akad yang melibatkan manfaat yang diharamkan (*manfa'ah muharramah*) yang wajib dijaui dan dihapuskan. Pendapat yang dicenderungi oleh penulis ialah pendapat yang mengharamkan penglibatan orang Islam dalam pembinaan gereja atau rumah ibadat agama lain, sebagaimana yang dipegang oleh majoriti ulama. Hal ini berdasarkan kaedah yang menyuruh seseorang Islam memelihara diri daripada terjebak ke dalam sebarang perkara yang boleh menyebabkan timbulnya salah faham terhadap dirinya sendiri:

اتَّقُوا مَوَاضِعَ الشُّهُمِ

Maksudnya: *Berhati-hatilah anda semua dengan ruang-ruang tohmahan.*

Kaedah ini diambil daripada kata-kata Umar RA:

مَنْ سَلَكَ مَسَالِكَ الشُّهُمِ أَتَاهُمْ

Maksudnya: *Barang siapa yang menempuhi, laluan-laluan tohmahan, akan mudah ditohmah.*

Apa jua perkara yang berisiko menimbulkan fitnah, hendaklah sedaya upaya dielakkan kerana ia akan memberi kesan yang buruk, baik untuk jangka masa pendek mahupun panjang. Apalagi Rasulullah SAW telah berpesan dalam hadis riwayat al-Nu'man bin Basyir RA:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ

Maksudnya: *Sesungguhnya perkara yang halal dan haram itu jelas, manakala antara kedua-duanya ada perkara-perkara yang syubhah, yang tidak jelas hukumnya (Muslim, no. Hadis:107)*

j) Membersihkan Rumah Ibadah Bukan Islam

Asas hubungan antara orang Islam dengan bukan Islam ialah pelaksanaan tanggungjawab dan memberi hak yang wajib diberikan dan dibenarkan dan membentuk suasana yang damai. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: Allah tiada melarang kamu untuk berlaku baik dan berbuat adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak mengusirmu dari negerimu (Al-Mumtahanah 60:8)

Perbezaan agama tidak menghalang orang Islam daripada berbuat baik kepada sesiapa sahaja atas dasar kemanusiaan. Namun demikian, Islam juga menggariskan batas-batas yang perlu dijaga dan dijadikan sempadan bagi memelihara kesucian akidah mereka. Sehubungan dengan itu penglibatan orang-orang Islam dalam gotong-royong membersihkan rumah ibadat agama lain adalah dilarang, sejajar dengan kaedah syarak yang mengharamkan segala bentuk kesyirikan dan menegah apa jua bentuk kerjasama serta bantuan yang menjurus ke arah kesyirikan. Firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ

Maksudnya: Dan hendaklah kamu saling bantu-membantu dalam membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bantu-membantu pada melakukan dosa dan pencerobohan (Al-Ma'idah 5:2)

Hal ini juga berdasarkan kaedah yang mengarahkan seseorang Islam agar memelihara diri daripada terjebak ke dalam sebarang perkara yang boleh menyebabkan timbul salah faham terhadap dirinya sendiri:

اتَّقُوا مَوَاضِعَ التُّهَمِ

Maksudnya: Berhati-hatilah kalian dengan ruang-ruang tohmahan.

Kaedah ini diambil daripada kata-kata Umar RA:

مَنْ سَلَكَ مَسَالِكَ التُّهْمِ أَتَاهُمْ

Maksudnya: *Barang siapa yang menempuhi laluan-laluan tohmahan, dia akan mudah ditohmah.*

Apa jua perkara yang berisiko menimbulkan fitnah, lebih-lebih lagi dalam konteks akidah, hendaklah sedaya upaya dielakkan kerana ia akan memberi kesan yang tidak baik kepada akidah dan keharmonian beragama umat Islam.

KESIMPULAN

Berbagai-bagai isu timbul berkaitan dengan bencana alam yang membabitkan umat Islam. Isu-isu tersebut memerlukan kefahaman yang jelas daripada mereka kerana ia menyentuh persoalan ibadah dan juga hubungan kemasyarakatan dengan golongan bukan Islam. Ada aspek yang boleh dilakukan dan ada juga aspek yang tidak boleh dilakukan.

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kajian ini ialah menunaikan solat dengan memakai baju basah dengan peluh dan air banjir adalah sah kerana kepastian baju tersebut terkena najis belum jelas. Apalagi banjir kebiasaannya melibatkan kuantiti air yang banyak. Menunaikan solat jamak ketika hujan lebat adalah harus tetapi hendaklah meraikan syarat-syarat yang diletakkan oleh ulama. Meninggalkan solat Jumaat kerana menyelamatkan mangsa banjir kritikal adalah harus kerana menyelamatkan nyawa manusia yang termasuk ke dalam *maqasid syariah* yang lima. Memberikan bantuan zakat kepada mangsa bencana alam adalah harus jika tidak ada sumber lain. Memindahkan zakat ke negeri lain yang ditimpa bencana alam adalah apabila terdapat lebihan zakat di negeri tempat zakat itu dipungut. Memberikan bantuan zakat kepada orang bukan Islam yang kesusahan adalah harus jika dilihat sebagai sesuai oleh pihak pemerintah. Berbuka puasa kerana menyelamatkan orang yang lemas adalah harus, kerana puasa itu boleh diganti pada hari lain sedangkan nyawa mangsa tidak dapat diganti. Membina rumah ibadah orang bukan Islam yang musnah kerana bencana alam adalah tidak harus oleh orang Islam kerana ia bukan sesuatu yang mendesak yang perlu dilakukan oleh mereka. Membersihkan rumah

ibadah bukan Islam yang ditimpa bencana alam oleh orang Islam adalah tidak harus kerana ia bukanlah perkara yang diberikan kelonggaran oleh syarak kepada orang Islam untuk melakukannya.

RUJUKAN

- Al-Abdari, A. A. M. (t.t). *Al-Taj Wa al-Iklil Li Muukhtasar Khalil*. Lubnan: Dar Alam al-Kutub Li al-Tiba'ah.
- Ali Maulida. (2019). *Bencana-Bencana Alam Pada Umat Terdahulu Dan Faktor Penyebabnya Dalam Perspektif Alquran: Studi Tafsir Maudhu'i Ayat-Ayat tentang Bencana Alam*. Jurnal Ilmu al-Quran dan al-Tafsir. Vol. 4.no: 02. Indonesia. Prodi Pendidikan Agama Islam STAI Al Hidayah Bogor.
- Basri I. (2020). *Isu-isu Fiqah Semasa Dalam Masyarakat Kontemporari*. Selangor: Universiti Islam Malaysia.
- Al-Buhuti, M. Y. (1997). *Kasysyaf al-Qina' An Matn al-Iqna'*. 'Alam al-Kutub.
- Al-Dusuqi, M. A. (t.t). *Hasyiyah al-Dusuqi 'Ala al-Syarh al-Kabir*. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibn Abidin, M. A. (1966). *Hasyiyah Ibn Abidin*. jil. 1. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibn Abidin, M. A. (2003). *Rad al-Muhtar 'Ala al-Dur al-Mukhtar Syarah Tanwir al-Absar*. Dar Alam al-Kutub.
- Ibn Ajibah, A. A. M. (1999). *Al-Bahr al-Madid Fi Tafsir al-Quran al-Majid*. al-Qahirah: Hasan Abbas Zaki.
- Ibn al-Humam, M. A. (2003). *Syarah Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Muflih, S. D. M. (2003). *al-Furu'*. Beirut: Mu'sasasah al-Risalah.
- Ibn Mundhir, A. M. (2001). *al-Ijma'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Nujjaim, A. M. I. (2002). *Al-Bahr al-Ra'iq Syarah Kanz al-Daqa'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, M. D. A. (1997). *al-Mughni*. Riyadh: Dar al-'Alam Kutub.
- Al-Qarafi, A. I. (1994). *Al-Zakhirah*. Dar al-Gharb.
- Bankoff G., Frerks G. & Hilhorst D. (eds.) (2003). *Mapping Vulnerability: Disasters, Development and People*. ISBN ISBN 1-85383-964-7.

- Al-Hadrami, S. M. (2015). *Syarh al-Muqaddimah al-Hadramiyyah al-Musamma Busyra al-Karim Bi Syarh Masa'il al-Ta'lim*. (2015). al-Qahirah: Dar Umar Ibn Khattab.
- Al-Hattab, S. A. (2003). *Mawajib al-Jalil Li Syarah Mukhtasar Khalil*. Dar Alam al-Kutub.
- Haji Mohd Syukri H. A. (2020). *Rukhsah Solat Satu Jalan Keluar*. Kuala Terengganu: Syukran Travel Sdn Bhd.
- Hayatul K. R. & Desi A. (2020). *Konseling Traumatik: Sebuah Strategi Guna Mereduksi Dampak Psikologis Korban Bencana Alam*. Jurnal Mimbar. Vol.6.no:1. Indonesia: Institut Agama Islam Muhammadiyah Sinjai, SinjaiJalan Sultan Hasanuddin Nomor 2, Balangnipa, , Sinjai, Sulawesi.
- <https://muftiperlis.gov.my>, 2021, Dilayari pada 10 Nov 2021.
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum>. 2022. Dilayari pada 22 Feb 2022.
- <https://muftiwp.gov.my>. 2019. Dilayari pada 22 Februari 2022.
- Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Khatib S. M. (1997). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Mahayudin H. Y. (2012). *Alam Semesta dan Bencana Alam dari Perspektif Agama dan Sains*. Jurnal of Human Deveploment anda Comunication. Vol. 1. Unimap.
- Al-Maidani, A. G. (t.t). *Al-Lubab Fi Syarah al-Kitab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Malik A. (t.t). *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Matba'ah Dar al-Sa'adah.
- Al-Mardawi, A. A. H. (1993). *Al-Insaf Fi Ma'rifah al-Rajih Mina al-Khilaf*. Tab'ah Hajr Li al-Tiba'ah.
- Al-Mawardi, A. H. (2009). *al-Iqna' Fi al-Fiqh al-Syafi'i*. T.tp:tp.
- Al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah. (t.t). Al-Maktabah al-Syamilah.
- Muhammad al-Syeikh, A. F. (2016). *Al-Ahkam wa al-Masa'il al-Fiqhiyyah al-Muta'alliqah bi al-Kawarith: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. al-Riyad: Dar Kunuz al-Isybilia.

- Al-Mundhiri, A. A. (1996). *Al-Targhib wa al-Tarhib*. Tahqiq: Ibrahim Syams al-Din. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, M. S. (2009). *Majmu’ Syarh al-Muhazzab*. T.tp: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Y. (1973). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Mu’sasasah al-Risalah.
- Al-Rawyani, A. M. (2009). *Bahr al-Mazhab Fi Furu’ al-Mazhab al-Syafi’i*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syafi’i, M. I. (2001). *al-Um*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa’.
- Al-Zuhaili, W. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil.1. cet.4. Dimasyq: Dar al-Fikr.